



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
PENGIKTIRAFAN FOREST RESEARCH INSTITUTE MALAYSIA
(FRIM) FOREST PARK SELANGOR (FPS) SEBAGAI TAPAK
WARISAN DUNIA UNESCO

PARIS, 11 Julai 2025 | Malaysia buat kali ke-2 berturut-turut berjaya melakar kejayaan di peringkat antarabangsa apabila Forest Research Institute Malaysia Forest Park Selangor (FRIM FPS) secara rasminya telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Keputusan penyenaraian ini telah diumumkan semasa sesi 47th World Heritage Committee yang berlangsung pada 6 – 16 Julai 2025 di Ibu Pejabat UNESCO Paris, Perancis.

Pengiktirafan tertinggi di peringkat dunia ini telah diputuskan oleh 21 ahli Negara Anggota World Heritage Committee yang dipengerusikan oleh Prof. Nikolay Nenov dari Bulgaria. Usaha persediaan pencalonan tapak ini telah bermula sejak tahun 2013.

FRIM FPS merupakan tapak yang istimewa dan merupakan salah satu inisiatif terawal pemulihan ekosistem hutan tropika berskala besar melalui penanaman semula pokok di bekas kawasan perlombongan bijih timah. Usaha ini telah menetapkan penanda aras antarabangsa melalui kejayaan penghasilan satu ekosistem yang hampir menyamai hutan

hujan tropika semula jadi, lengkap dengan kepelbagaian spesies pokok yang tinggi serta kaya dengan komposisi biodiversiti.

Dengan kejayaan ini, Malaysia secara keseluruhan telah berjaya menyenaraikan enam (6) Tapak Warisan Dunia UNESCO. Penyenaraian sebelum ini terdiri daripada Taman Kinabalu (2000), Taman Negara Gunung Mulu (2000), Bandar Bersejarah Selat Melaka, Melaka dan George Town (2008), Warisan Arkeologi Lembah Lenggong (2012) dan Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah (2024).

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan negara dalam melindungi dan memelihara tapak semula jadi dan budaya yang mempunyai nilai sejagat luar biasa. Pengiktirafan ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan visibiliti Malaysia di mata dunia. Sehingga kini, sejumlah 1223 tapak dari seluruh dunia telah berjaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia bawah 1972 Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage.

MOTAC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas sokongan padu serta kerjasama erat yang telah diberikan dalam menjayakan pencalonan ini, terutama jabatan serta agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

Ucapan terima kasih turut diberikan kepada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) serta Pejabat Delegasi Tetap Malaysia ke UNESCO di Paris atas peranan dalam meraih sokongan pencalonan FRIM FPS di peringkat antarabangsa. Segala usaha dan sinergi ini mencerminkan semangat Malaysia MADANI yang menekankan prinsip

keterangkuman, kebersamaan dan kelestarian demi memartabatkan warisan negara di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini optimis pengikirafan ini akan menyuntik nilai tambah yang signifikan kepada FRIM FPS sebagai salah satu produk pelancongan utama di Negeri Selangor. Selaras dengan pelaksanaan Visit Malaysia 2026 dan Tahun Melawat Selangor 2025, kejayaan ini diharap dapat meningkatkan kedatangan pelancong luar negara ke Malaysia sekaligus menyumbang penjanaan ekonomi Malaysia khususnya komuniti setempat.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

